Ringkasan Eksekutif

Pada tahun 2016, ekonomi dunia mencatat pertumbuhan paling rendah sejak Krisis Kewangan Global. Perdagangan global terus sederhana mencerminkan kegiatan ekonomi yang lemah. Pertumbuhan sebahagian besar ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun hanya meningkat dengan kadar yang lebih perlahan, kecuali beberapa ekonomi di Asia. Ekonomi maju berkembang dengan lebih sederhana disebabkan sebahagiannya oleh aktiviti pelaburan yang perlahan ekoran sentimen perniagaan yang lembap serta ketidakpastian politik dan dasar yang lebih ketara. Momentum pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun juga lebih perlahan disebabkan permintaan luar negeri yang lembap, harga komoditi yang lemah dan turun naik pasaran kewangan yang berpunca daripada ketidakpastian global yang semakin ketara. Di Asia, walaupun ekonomi Republik Rakyat China (RR China) berkembang secara lebih beransur-ansur disebabkan pelaksanaan langkah-langkah pembaharuan yang berterusan serta pengimbangan semula ekonominya ke arah model pertumbuhan yang didorong penggunaan, banyak negara lain di Asia menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh. Pertumbuhan ini didorong oleh pelaburan yang lebih besar dalam infrastruktur dan pelaksanaan langkah-langkah dasar monetari, fiskal dan struktur yang menyokong pertumbuhan. Tekanan inflasi global terus rendah, disebabkan terutamanya oleh keadaan permintaan dan harga komoditi yang lemah, khususnya harga minyak mentah.

Berdepan dengan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap pertumbuhan ekonomi dan tekanan inflasi yang rendah, kebanyakan negara mengambil pendirian dasar makroekonomi yang lebih akomodatif. Dalam ekonomi maju, dasar monetari kekal sebagai pilihan dasar yang utama. Federal Reserve (Fed) Amerika Syarikat mengambil langkah yang lebih beransur-ansur untuk mengembalikan semula dasar monetarinya ke paras yang wajar berbanding dengan jangkaan terdahulu. Sementara itu, bank pusat di Australia, New Zealand, Norway dan Sweden pula menurunkan kadar dasar utama mereka. Sebilangan ekonomi maju, seperti kawasan euro dan Jepun, juga melaksanakan beberapa pembaharuan struktur bersama-sama dengan pelonggaran dasar monetari. Di Asia, banyak ekonomi menerapkan gabungan langkah fiskal dan monetari untuk merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri dan meneruskan pembaharuan struktur bagi meningkatkan daya tahan ekonomi dan menyokong pertumbuhan yang mampan.

Berikutan ruang dasar di antara konvensional dan tidak konvensional terus mengecil, beberapa ekonomi telah menjadi bertambah lemah. Hutang global meningkat dalam keadaan pelonggaran kuantitatif yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini, pertumbuhan produktiviti kekal rendah manakala manfaat daripada pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan masih belum diraih sepenuhnya. Keadaan ini diburukkan lagi oleh ketidakpastian yang meningkat dalam arena politik dan dasar dalam ekonomi utama yang menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan ekonomi dunia pada tahun 2017 dan tahun-tahun seterusnya. Dalam persekitaran sedemikian, pembuat dasar menghadapi tugas yang semakin berat untuk menjana pertumbuhan dalam jangka pendek. Pada masa yang sama mereka perlu mengekalkan semangat yang teguh untuk melaksanakan pembaharuan yang sukar, tetapi perlu, untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dalam jangka lebih panjang.

Meskipun berhadapan dengan persekitaran yang mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 4.2% pada tahun 2016. Laporan Tahunan ini mengemukakan analisis perkembangan ekonomi Malaysia dan menggariskan cabaran pada masa hadapan. Laporan ini juga memaparkan pelbagai usaha Bank untuk meningkatkan tadbir urus, pembangunan organisasi dan komunikasi.

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2016

Pada tahun 2016, ekonomi Malaysia meningkat 4.2% (2015: 5.0%) meskipun berhadapan dengan rintangan yang besar dari dalam dan luar negeri. Landskap ekonomi global berdepan dengan cabaran berikutan permintaan global yang lemah dan harga komoditi yang rendah. Pasaran kewangan antarabangsa juga dibelenggu oleh ketidakpastian yang ketara dengan kebalikan (reversal) aliran keluar modal yang besar daripada ekonomi sedang pesat membangun. Ini didorong oleh perkembangan politik luar jangkaan dalam ekonomi maju seperti di United Kingdom dan Amerika Syarikat, serta dasar makroekonomi yang dilaksanakan oleh negara-negara tersebut. Di dalam negeri, keadaan ekonomi terus berhadapan dengan rintangan yang berpunca daripada kos sara hidup yang lebih tinggi dalam keadaan guna tenaga yang lembap. Pada masa yang sama, sentimen perniagaan dan pengguna terjejas disebabkan oleh beberapa faktor global dan dalam negeri, termasuk keadaan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu dan prestasi ringgit yang nyata kurang menggalakkan.

Berlatarkan cabaran dari dalam dan luar negeri, semua sektor ekonomi negara mencatat pertumbuhan yang sederhana pada tahun 2016. Permintaan dalam negeri terus menjadi peneraju pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Lebih khusus lagi, pertumbuhan penggunaan swasta kekal pada 6.1% (2015: 6.0%). Ini disokong oleh peningkatan guna tenaga dan upah yang berterusan berikutan pelaksanaan kenaikan gaji minimum dan gaji penjawat awam. Kerajaan turut mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat, antaranya pengurangan bahagian pekerja dalam caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk tempoh sementara, bayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang lebih tinggi dan pelepasan cukai bagi kumpulan pembayar cukai yang berpendapatan rendah. Kesemua ini telah menyokong perbelanjaan isi rumah. Sementara itu, penggunaan awam meningkat dengan sederhana pada 1.0% (2015: 4.4%), berikutan beberapa langkah rasionalisasi perbelanjaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada awal tahun 2016 yang berpunca daripada penurunan hasil berkaitan petroleum akibat kejatuhan harga minyak mentah. Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang dengan sederhana sebanyak 2.7% pada tahun 2016 (2015: 3.7%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan pelaburan swasta yang lebih rendah berikutan tahap keberuntungan dan sentimen perniagaan yang lemah. Pelaburan awam merosot pada kadar yang lebih kecil pada tahun 2016 (-0.5%; 2015: -1.0%) disebabkan oleh perbelanjaan aset tetap oleh syarikat-syarikat awam yang mencatat penguncupan yang lebih kecil berikutan pelaburan yang meningkat dalam industri minyak dan gas hiliran, serta subsektor pengangkutan dan utiliti.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang pada tahun 2016, kecuali sektor pertanian. Pengeluaran pertanian merosot 5.1% (2015: 1.2%), disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang terjejas akibat fenomena El Niño. Meskipun pertumbuhan sektor perkhidmatan lebih tinggi pada 5.6% (2015: 5.1%) berikutan permintaan yang berterusan dalam sektor berkaitan pengguna, sektor-sektor lain berkembang dengan lebih sederhana.

Keadaan pasaran pekerja pada amnya stabil pada tahun 2016, dengan guna tenaga dan upah terus berkembang. Jumlah guna tenaga bersih pada tahun ini sebanyak 112,300 pekerjaan dan tertumpu pada segmen berkemahiran tinggi seperti pekerjaan profesional dan pengurusan, manakala upah nominal agregat dalam sektor awam dan swasta masing-masing berkembang 4.2% dan 6.7% pada tahun 2016 (2015: masing-masing 4.9% dan 4.7%). Meskipun jumlah guna tenaga terus bertambah, namun jumlahnya tidak mencukupi untuk menyerap kemasukan pekerja baharu ke dalam pasaran pekerja. Ini memandangkan sikap majikan kini lebih berhati-hati dan tidak mahu menambah pekerja dengan terlalu mudah. Oleh itu, kadar pengangguran meningkat kepada 3.5% pada tahun 2016 (2015: 3.1%).

Tekanan inflasi dalam ekonomi kekal rendah. Pada tahun 2016, purata inflasi keseluruhan adalah 2.1% (2015: 2.1%). Walaupun kadar pertukaran ringgit lebih lemah pada tahun 2016, harga tenaga dan komoditi global yang rendah telah menyebabkan harga bahan api dalam negeri dan kos input menjadi lebih rendah. Keadaan ini mengurangkan kesan pelarasan harga ditadbir dan harga makanan yang lebih tinggi yang disebabkan oleh fenomena El Niño. Inflasi teras juga secara relatif stabil mencatat kadar purata 2.1% pada tahun 2016 (2015: 2.3%). Hal ini disebabkan oleh tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan dalam ekonomi yang sebahagian besarnya dapat dibendung pada tahun itu. Ini disokong oleh pertumbuhan yang kekal sederhana dalam aktiviti penggunaan swasta dan ketiadaan tekanan upah yang ketara.

Kedudukan sektor luaran Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2016. Akaun semasa imbangan pembayaran terus mencatat lebihan, namun jumlahnya lebih kecil. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh lebihan perdagangan yang lebih rendah dan defisit struktur yang berterusan dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan. Pertumbuhan eksport kasar menjadi sederhana kepada 1.1% pada tahun 2016 (2015: 1.6%), akibat pertumbuhan global yang lembap dan harga komoditi yang rendah. Import kasar mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 1.9% (2015: 0.4%), didorong oleh import barangan modal yang lebih tinggi selaras dengan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur yang sedang dijalankan dan pengembangan aktiviti pelaburan yang berterusan.

Pada tahun 2016, akaun kewangan dalam imbangan pembayaran negara bertambah baik dalam persekitaran turun naik aliran modal merentas sempadan yang ketara. Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM4.2 bilion (2015: aliran keluar bersih RM50.9 bilion). Hal ini disebabkan oleh aliran masuk bersih yang lebih tinggi dalam akaun pelaburan langsung dan aliran keluar bersih yang lebih rendah dalam akaun portfolio dan akaun pelaburan lain. Pada tahun 2016, akaun pelaburan langsung mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM17.9 bilion (2015: aliran masuk bersih sebanyak RM4.8 bilion). Keadaan ini mencerminkan pelaburan langsung yang lebih rendah di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia. Sementara itu, akaun pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM19.7 bilion (2015: aliran keluar bersih sebanyak RM28.2 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia pada akhir tahun 2016 berjumlah USD94.5 bilion (bersamaan dengan RM423.9 bilion). Pada 28 Februari 2017, paras rizab ialah USD95.0 bilion (bersamaan dengan RM426.3 bilion). Rizab antarabangsa ini kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa dan cukup untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh. Selain itu, paras rizab ini boleh menampung sebanyak 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Kadar pertukaran yang fleksibel telah membolehkan ekonomi negara mengurangkan kebergantungannya pada rizab antarabangsa Bank.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus. Hutang luar negeri berjumlah RM908.7 bilion atau bersamaan dengan USD200.6 bilion atau 73.9% daripada KDNK pada akhir tahun 2016 (2015: RM833.8 bilion).

Peningkatan hutang luar negeri sebahagiannya disebabkan oleh kesan daripada ringgit mengalami susut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang pada tahun 2016. Tidak termasuk kesan penilaian ini, hutang luar negeri Malaysia meningkat 6.2%, disebabkan terutamanya oleh pinjaman antara syarikat dan pinjaman antara bank yang lebih tinggi. Profil hutang luar negeri adalah lebih baik dan satu pertiga daripadanya adalah dalam denominasi ringgit. Ini mengehadkan risiko yang mungkin timbul daripada turun naik kadar pertukaran asing. Baki hutang luar negeri yang lain adalah dalam mata wang asing, yang kebanyakannya telah dilindung nilai sama ada mengikut cara biasa dengan menggunakan pendapatan eksport atau menggunakan instrumen kewangan. Risiko pembiayaan semula juga dapat dibendung kerana lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri Malaysia mempunyai tempoh matang jangka sederhana hingga panjang. Di samping itu, tidak semua hutang jangka pendek luar negeri mempunyai tuntutan ke atas rizab memandangkan peminjam mempunyai pendapatan eksport dan aset luaran yang membolehkan mereka memenuhi obligasi luaran mereka tanpa perlu membuat tuntutan ke atas rizab antarabangsa.

Asas-asas ekonomi negara yang secara keseluruhan kukuh telah memberi Malaysia kekuatan untuk berhadapan dengan cabaran dari dalam dan luar negeri. Sumber pertumbuhan ekonomi negara yang pelbagai telah membantu untuk membendung kesan limpahan yang berpunca daripada kejutan di sektor-sektor tertentu. Keadaan pasaran pekerja yang stabil dalam keadaan pertumbuhan upah yang berterusan terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Institusi kewangan yang kukuh dengan mudah tunai dalam negeri yang lebih daripada mencukupi turut memastikan pengantaraan kewangan dapat berjalan dengan lancar. Meskipun permintaan global lemah, kedudukan luaran Malaysia kekal kukuh, disokong oleh rizab antarabangsa yang lebih daripada mencukupi dan paras hutang luar negeri yang terurus.

Selain itu, tindak balas dasar monetari yang sesuai dan tepat pada masanya serta beberapa langkah bersasaran yang menyokong pertumbuhan, memainkan peranan yang penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2016. Pengurangan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia turut disokong oleh beberapa langkah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah dan menyokong aktiviti sektor perniagaan. Ini termasuk beberapa dasar untuk mewujudkan

ekosistem yang kondusif bagi sebuah ekonomi perkongsian untuk berkembang maju, pengurangan untuk tempoh sementara bahagian pekerja dalam caruman KWSP, pembayaran BR1M yang lebih tinggi dan insentif cukai untuk merangsang kegiatan perniagaan, terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menyedari akan cabaran yang mungkin timbul berikutan trend global dan dalam negeri seperti bertambahnya penduduk yang semakin berusia, kemasukan teknologi baharu dan peningkatan produktiviti yang lebih perlahan, pembaharuan-pembaharuan kritikal dan pelarasan struktur menjadi keutamaan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan terus mampan. Antara usaha yang diambil ialah meningkatkan daya saing eksport, membuat pelaburan yang berterusan untuk menambah baik infrastruktur fizikal dan maya, serta dasar-dasar untuk membangunkan tenaga kerja yang berkualiti tinggi melalui peningkatan kualiti sistem pendidikan negara.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2016

Pada tahun 2016, dasar monetari tertumpu pada usaha untuk memastikan keadaan monetari negara terus menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan dengan kestabilan harga. Ini dilaksanakan dalam persekitaran dasar yang mencabar bercirikan anjakan besar dalam imbangan risiko terhadap prospek ekonomi dalam negeri serta turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan. Khususnya, risiko terhadap pertumbuhan ekonomi dalam negeri semakin beralih kepada pertumbuhan yang lebih perlahan menjelang pertengahan tahun 2016, yang berpunca daripada beberapa perkembangan di luar negeri, termasuk momentum pertumbuhan global yang bertambah lemah daripada jangkaan dan ketidakpastian mengenai dasar di AS dan RR China. Persekitaran luar negeri yang mencabar ini menjadi semakin buruk ekoran ketidakpastian yang menyelubungi keputusan referendum EU oleh UK dan risiko geopolitik global yang semakin meningkat. Risiko pertumbuhan yang lebih perlahan telah mendorong Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) menyelaraskan tahap akomodatif dasar monetari. Ini dilakukan dengan menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada 13 Julai 2016. Pelarasan ini merupakan langkah awalan yang bertujuan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil. Pada paras 3.00%, OPR adalah sejajar dengan pendirian dasar setelah mengambil kira prospek pertumbuhan dan inflasi.

Sejak pelarasan OPR pada bulan Julai, MPC telah membuat penilaian bahawa pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan prospek makroekonomi dan seterusnya kadar dasar dikekalkan pada 3.00% bagi tempoh selanjutnya pada tahun itu. Ekonomi dalam negeri terus berkembang seperti yang diunjurkan untuk tahun 2016 dan 2017. Sepanjang tahun 2016, MPC juga mengawasi tahap turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan domestik dan kadar pertukaran ringgit berikutan perubahan dalam aliran mudah tunai global dan sentimen pelabur. MPC menegaskan pendiriannya melalui Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) bahawa Bank Negara Malaysia akan terus menyediakan mudah tunai secukupnya bagi memastikan pasaran kewangan domestik terus berfungsi dengan teratur, supaya mudah tunai domestik kekal mencukupi untuk pengantaraan kewangan yang cekap.

Pada tahun 2016, prestasi ringgit serta kebanyakan mata wang utama dan serantau, terus menerima kesan akibat aliran dana portfolio yang tidak menentu. Pada tahun 2016 secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.3% dan mencatat kadar RM4.486 berbanding dengan dolar AS pada akhir tahun. Pada empat bulan pertama 2016, ringgit pada amnya menunjukkan trend pengukuhan berbanding dengan dolar AS disebabkan oleh aliran masuk modal yang berterusan. Hal ini dipacu terutamanya oleh jangkaan penangguhan penyelarasan kadar faedah AS ke paras yang wajar dan lanjutan pelonggaran dasar monetari oleh ekonomi maju. Berikutan itu, sentimen mula berubah. Ringgit dan beberapa mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS. Sentimen dalam kalangan pelabur terjejas akibat jangkaan berterusan bahawa kadar faedah di AS akan meningkat sebelum akhir tahun 2016, faktor harga minyak mentah global yang terus tidak menentu dalam tempoh yang sama dan ketidakpastian geopolitik berikutan referendum UK untuk keluar daripada EU. Perkembangan ini telah menyebabkan aliran portfolio bertukar arah daripada ekonomi sedang pesat membangun lantas menjejaskan prestasi kebanyakan mata wang ekonomi tersebut, termasuk ringgit. Kekuatan dolar AS terus diperkukuh oleh jangkaan penyelarasan kadar faedah AS ke paras yang wajar yang akan dilaksanakan dengan lebih cepat pada tahun 2017, berikutan jangkaan dasar

fiskal akan mengembang di AS selepas keputusan pilihan raya presiden AS. Perkembangan ini memberi kesan kepada Malaysia dalam bentuk aliran keluar modal yang terus berlaku pada bulan November dan awal Disember 2016 dan seterusnya mengimbangi hasil yang diperoleh daripada pengukuhan nilai ringgit sebelum ini.

Pada tahun 2016, turun naik kadar pertukaran ringgit diburukkan lagi oleh kegiatan spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward, NDF) luar pesisir yang samar-samar, khususnya pada bulan November. Spekulasi dalam pasaran NDF mengakibatkan terputusnya perkaitan yang nyata antara kadar pertukaran dengan asas-asas ekonomi dalam negeri. Akibatnya, mekanisme penentuan harga dalam pasaran NDF yang samar-samar itu telah melimpah ke pasaran pertukaran asing dalam negeri sekali gus mengganggu proses penentuan harga dalam negeri sepanjang tempoh tersebut.

Turun naik nilai ringgit juga disebabkan oleh keadaan penawaran dan permintaan yang tidak seimbang yang semakin ketara dalam pasaran pertukaran asing domestik. Meskipun akaun semasa terus mencatat lebihan, namun disebabkan perolehan eksport yang ditukarkan kepada ringgit yang tidak mencukupi, permintaan struktur terhadap ringgit menjadi lemah. Sebaliknya, pelaburan syarikat-syarikat Malaysia ke luar negeri telah meningkatkan permintaan terhadap mata wang asing. Ketidakseimbangan ini telah menyebabkan ringgit terdedah kepada aliran portfolio pelaburan yang ketara oleh pelabur bukan pemastautin, lalu mengakibatkan penyusutan nilai ringgit yang melebihi paras lazim berlaku lebih kerap daripada biasa sebagai tindak balas terhadap perkembangan global. Dalam usaha membetulkan ketidakseimbangan ini, Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC), dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, telah memperkenalkan beberapa langkah untuk memperdalam dan memperluas pasaran pertukaran asing domestik. Langkah-langkah ini termasuk menggalakkan lindung nilai pertukaran asing dalam pasaran pertukaran asing domestik dan menetapkan syarat supaya hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit. Aliran masuk kembali hasil eksport dalam mata wang asing ke pasaran domestik seterusnya akan menambahkan mudah tunai mata wang asing di pasaran dalam negeri.

Operasi monetari pada tahun 2016 tertumpu pada usaha untuk memastikan pasaran wang domestik terus mengantarakan dana jangka pendek dengan cekap dalam persekitaran ketidakpastian yang nyata dalam pasaran kewangan global. Sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh Bank untuk memastikan mudah tunai sistem kewangan domestik mencukupi, nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) diturunkan daripada 4.00% kepada 3.50%, berkuat kuasa pada Februari 2016. Suntikan mudah tunai yang besar ke dalam sistem perbankan seterusnya meningkatkan mudah tunai dalam pasaran antara bank dan melegakan tekanan atas kos peminjaman antara bank. Apabila aliran modal yang tidak menentu menjadi lebih nyata pada tahun itu, komposisi instrumen monetari yang digunakan untuk menyerap lebihan mudah tunai juga diselaraskan kepada tempoh yang lebih pendek bagi memberikan fleksibiliti yang lebih kepada bank dalam menguruskan kedudukan mudah tunai mereka. Ini membolehkan bank lebih bersedia berhadapan dengan pengeluaran dana secara tiba-tiba yang disebabkan oleh aliran keluar modal. Oleh itu, meskipun terdapat turun naik dalam pasaran kewangan domestik dan pasaran pertukaran asing, agregat mudah tunai sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi sepanjang tahun 2016.

Pengantaraan kewangan domestik terus berfungsi tanpa gangguan pada tahun 2016 dengan pembiayaan bersih kepada sektor swasta meningkat 5.5% pada tahun itu (2015: 8.2%). Kadar pertumbuhan pembiayaan bersih yang lebih sederhana pada tahun 2016 adalah sejajar dengan kegiatan ekonomi, mencerminkan terutamanya kadar pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih rendah kepada isi rumah dan perniagaan. Pertumbuhan hutang isi rumah yang sederhana disebabkan oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang sederhana dan sebahagiannya berikutan langkah-langkah awalan kehematan makro dan mikro yang dilaksanakan oleh Bank untuk memastikan paras hutang isi rumah kekal pada tahap yang berhemat. Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul yang lebih perlahan hanya terhad kepada beberapa sektor tertentu walaupun tiada bukti jelas bahawa akses kepada pembiayaan telah diketatkan secara meluas. Pendanaan pasaran modal untuk perniagaan juga terus kukuh, dengan pasaran bon kekal sebagai sumber utama bagi pembiayaan sektor swasta.

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2017

Aktiviti ekonomi global diunjurkan meningkat pada tahun 2017, disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri di beberapa ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Pertumbuhan ini dirangsang sebahagiannya oleh dasar pengembangan fiskal di beberapa ekonomi utama tertentu. Semua dasar yang menyokong pertumbuhan tersebut akan merangsang permintaan dan perdagangan global. Prospek ini juga akan disokong oleh pemulihan harga komoditi berikutan langkah mengurangkan keadaan lebihan bekalan. Namun begitu, ekonomi global akan terus berhadapan dengan beberapa risiko yang akan menyebabkan pertumbuhan lebih perlahan. Antara risiko yang dihadapi ialah potensi ekonomi maju tidak lagi menyokong kuat globalisasi dan perdagangan bebas, serta ketidakpastian mengenai rundingan UK dan EU dan perkembangan geopolitik. Jangkaan pencapahan (divergence) dasar monetari antara AS dan ekonomi maju lain juga boleh menyebabkan pelarasan yang berlebihan dalam pasaran pertukaran asing dan dalam keadaan aliran modal yang tidak stabil.

Pertumbuhan global yang bertambah baik secara beransur-ansur, pemulihan harga komoditi global dan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan dijangka menyokong prestasi pertumbuhan Malaysia. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.3% – 4.8% pada tahun 2017.

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong oleh aktiviti sektor swasta. Meskipun inflasi dijangka lebih tinggi, pertumbuhan penggunaan swasta dijangka terus disokong oleh upah yang terus meningkat dan peningkatan pendapatan boleh guna disebabkan pelaksanaan langkah-langkah tertentu oleh Kerajaan dan harga komoditi global yang lebih tinggi. Dalam persekitaran sentimen perniagaan yang berhati-hati dan suasana ekonomi yang terus tidak menentu, pertumbuhan pelaburan diunjurkan kekal sederhana. Namun begitu, aktiviti pelaburan swasta akan disokong oleh peningkatan perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan eksport serta projek yang sedang dilaksanakan dan projek baharu, khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Meskipun perbelanjaan awam akan mengalami penurunan berikutan komitmen Kerajaan yang berterusan terhadap usaha memperkukuh kedudukan fiskal, sektor awam diunjurkan akan menyokong pertumbuhan, didorong terutamanya oleh pelaburan awam yang lebih tinggi melalui pelaksanaan projek infrastruktur utama dalam sektor terpilih.

Sektor luaran Malaysia dijangka kekal berdaya tahan walaupun persekitaran global terus tidak menentu. Eksport dan import dijangka terus kukuh pada tahun 2017, disokong oleh unjuran pertumbuhan global yang bertambah baik, harga komoditi yang lebih tinggi serta permintaan dalam negeri yang mampan. Namun begitu, pertumbuhan import dijangka terus mengatasi pertumbuhan eksport, dan mengurangkan lebihan perdagangan. Defisit akaun perkhidmatan diunjurkan lebih besar, selaras dengan aktiviti perdagangan yang meningkat dan aktiviti pelaburan yang bertambah baik. Secara keseluruhan, akaun semasa dijangka mencatat lebihan 1.0% – 2.0% daripada PNK pada tahun 2017.

Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2017. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan keseluruhan. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka meningkat semula berikutan pemulihan kadar hasil pertanian yang sebelum ini terjejas akibat fenomena El Niño. Pertumbuhan sektor perlombongan dijangka kekal stabil, berikutan peningkatan ketara pengeluaran gas asli akan mengimbangi pengeluaran sederhana dalam subsektor minyak mentah.

Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat kepada purata antara 3.0 – 4.0% pada tahun 2017, memandangkan prospek harga komoditi dan tenaga global yang lebih tinggi serta kesan penyusutan nilai kadar pertukaran ringgit. Walau bagaimanapun, semua faktor yang didorong oleh kos ini dijangka tidak menyebabkan kesan limpahan yang besar kepada trend harga yang lebih meluas, memandangkan keadaan permintaan dalam negeri yang stabil. Oleh itu, inflasi teras dijangka hanya meningkat dengan sederhana.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2017

Perubahan serentak dalam pendirian dasar dijangka berlaku dalam landskap global, dengan implikasi yang berbeza-beza kepada ekonomi Malaysia. Khususnya, pendirian tentang perlindungan perdagangan dalam ekonomi utama akan melembapkan prestasi perdagangan global. Terdapat kemungkinan bahawa perbezaan dasar monetari antara AS dengan ekonomi utama lain dan juga turun naik yang ketara dalam aliran modal dan kadar pertukaran boleh membawa kepada keadaan pasaran

kewangan yang lebih ketat. Risiko luaran sedemikian, jika menjadi kenyataan, boleh memberi implikasi yang buruk kepada ekonomi dan sistem kewangan Malaysia, dan mempunyai kesan ke atas sentimen dan keadaan pasaran pekerja. Di samping itu, rintangan sedia ada dalam negeri yang terus dihadapi, seperti kos sara hidup yang lebih tinggi dan sentimen yang lemah, juga boleh menyebabkan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana.

Walau bagaimanapun, kekuatan ekonomi Malaysia hasil daripada struktur ekonomi yang pelbagai, kedudukan luaran yang kukuh dan dasar yang fleksibel akan menguatkan keupayaan Malaysia untuk berhadapan dengan semua cabaran ini pada masa hadapan. Pengantaraan kewangan akan terus menyokong pertumbuhan, dibantu oleh kedudukan kewangan institusi perbankan yang kukuh dan pasaran kewangan yang maju. Bagi menghadapi persekitaran global yang mencabar pada masa hadapan, tumpuan yang berterusan diperlukan untuk meningkatkan daya tahan ekonomi negara serta mempelbagaikan sumber pertumbuhan. Usaha sedang dipergiat untuk membina semula ruang dasar, mengatasi potensi kelemahan secara proaktif dan meningkatkan potensi bidang pertumbuhan baharu.

Dasar monetari pada tahun 2017 akan terus memastikan pendirian dasar yang konsisten dengan usaha mengekalkan ekonomi pada landasan pertumbuhan yang mantap dalam keadaan harga yang stabil. Persekitaran dasar dijangka kekal mencabar. Walaupun pertumbuhan dijangka meningkat disebabkan oleh prestasi sektor luaran yang lebih baik, namun, ekonomi akan berhadapan dengan cabaran inflasi yang lebih tinggi, aliran modal yang tidak menentu dan ketidakpastian yang berlarutan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global. Meskipun sebahagian besar risiko ketidakseimbangan kewangan dapat dibendung, risiko ini akan terus dipantau rapi. Meskipun terdapat jangkaan bahawa ekonomi akan mengalami beberapa tempoh ketidaktentuan aliran modal, operasi monetari Bank beriltizam untuk terus memastikan mudah tunai dalam sistem kewangan domestik adalah mencukupi untuk menyokong pasaran kewangan domestik agar dapat berfungsi dengan teratur, meskipun terdapat jangkaan bahawa ekonomi akan terus mengalami ketidaktentuan aliran modal.

Dasar fiskal pada tahun 2017 akan terus tertumpu pada usaha untuk memperkukuh kedudukan fiskal Kerajaan, sambil memastikan sokongan berterusan terhadap pertumbuhan dalam negeri dan menggalakkan ekonomi yang inklusif. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka terus mengecil, disokong oleh pertumbuhan hasil yang mampan dan peningkatan yang sederhana dalam perbelanjaan mengurus. Dalam Bajet tahun 2017, sumber fiskal telah diberikan keutamaan strategik dengan tumpuan pada projek infrastruktur yang mempunyai impak yang tinggi dan program bina upaya. Bajet ini juga selaras dengan usaha untuk memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan. Khususnya, penambahbaikan program kebajikan dan sokongan sosioekonomi dijangka dapat mengekalkan kemampuan segmen berpendapatan rendah dan sederhana untuk menguruskan kos sara hidup yang semakin meningkat dan menyokong pertumbuhan penggunaan swasta.

Tadbir Urus, Pembangunan Organisasi dan Komunikasi

Warga kerja di Bank senantiasa komited terhadap mandat untuk mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan yang merupakan faktor penting untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan. Para individu di Bank dipertanggungjawabkan terhadap kemantapan rangka kerja tadbir urus dan pengawasan seperti yang digariskan oleh Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia (Lembaga Pengarah). Pada tahun 2016, terdapat beberapa perubahan terhadap komposisi Lembaga Pengarah. Dr. Zeti Akhtar Aziz telah menamatkan tempoh perkhidmatan beliau sebagai Gabenor pada 30 April 2016 dan Muhammad bin Ibrahim dilantik sebagai Gabenor pada 1 Mei 2016. Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour dilantik sebagai Timbalan Gabenor pada 16 Julai 2016 dan Nor Shamsiah binti Mohd Yunus menamatkan tempoh perkhidmatan beliau sebagai Timbalan Gabenor pada 15 November 2016. Oleh itu, bilangan ahli Lembaga Pengarah telah berkurang daripada 12 orang kepada 11 orang. Pada masa ini, ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Gabenor sebagai Pengerusi, dua Timbalan Gabenor dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta tujuh ahli bebas bukan eksekutif.

Pada tahun 2016, kajian semula telah dibuat ke atas pernyataan tahap kesanggupan mengambil risiko dan toleransi risiko bagi mengukuhkan keupayaan pengurusan risiko Bank. Pernyataan ini menunjukkan jumlah dan jenis risiko yang sanggup diambil untuk memenuhi mandat Bank. Dalam mengukuhkan proses pengauditan, Bank melantik pihak luar yang bebas untuk melaksanakan penilaian semula jaminan kualiti terhadap amalan

pengauditannya. Amalan pengauditan oleh Jabatan Audit Dalam (JAD) dinilai sebagai telah mematuhi taraf pematuhan tertinggi Piawaian Antarabangsa Profesional Pengauditan Dalam (International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing). Sebagai sebahagian daripada pelan urusan Bank bagi tahun 2016, beberapa inisiatif baharu telah diperkenalkan bagi mengambil kira keutamaan baharu, seperti memupuk persekitaran yang akan menggerakkan penyelesaian teknologi kewangan (financial technology, FinTech), mempercepat pembangunan industri insurans dan membina keupayaan baharu dalam analisis data.

Pada tahun 2016, Bank telah melaksanakan lebih banyak penambahbaikan dalam perancangan penggantian serta pengurusan dan pembangunan tenaga mahir. Secara khusus, Bank telah menggabungkan kumpulan penggantian dan tenaga mahir korporat. Integrasi ini membolehkan lebih banyak intervensi pembangunan bersasaran untuk kakitangan yang bertujuan menyediakan mereka untuk memegang jawatan yang lebih penting. Penilaian bebas terhadap pengurusan keselamatan fizikal Bank juga telah dijalankan bagi memastikan Bank memiliki keupayaan untuk bertindak balas terhadap sebarang ancaman yang timbul. Skop penilaian merangkumi semua aspek pengurusan keselamatan, orang ramai, proses dan teknologi. Beberapa inisiatif keselamatan telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan tahap keselamatan. Penilaian bebas terhadap Infrastruktur ICT Bank juga telah dijalankan, dan rancangan transformasi empat tahun perkhidmatan IT telah digerakkan yang menyasarkan untuk menghasilkan tahap kepakaran IT yang lebih khusus dengan platform dan binaan teknologi baharu.

Saluran dan amalan komunikasi dipertingkatkan supaya dapat menyampaikan pengumuman dan perkembangan penting kepada orang ramai. Selaras dengan peralihan arus media global, platform digital digunakan untuk memperluas jangkauan kepada pelbagai pihak berkepentingan. Masa embargo siaran akhbar diubah menjadi lebih awal untuk memberikan masa yang lebih kepada pasaran untuk menilai dan memahami implikasi pelbagai maklumat yang disampaikan.

Pada tahun 2016, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan (FMC) telah ditubuhkan sebagai forum yang lebih inklusif untuk mengesyorkan strategi yang bertujuan menggalakkan perkembangan pasaran kewangan Malaysia. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada wakil daripada Bank, institusi kewangan, syarikat, dan pihak berkepentingan lain dalam pasaran kewangan. Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (Financial Technology Enabler Group, FTEG) juga ditubuhkan pada tahun 2016 untuk merumuskan dan menambah baik dasar pengawalseliaan inovasi teknologi dalam industri kewangan Malaysia. Penubuhan FTEG merupakan sebahagian daripada komitmen Bank untuk menyokong inovasi yang akan meningkatkan kualiti, kecekapan dan kemudahan akses kepada perkhidmatan kewangan di Malaysia.

Laman sesawang Bank yang telah diubah suai kini lebih mesra pengguna dengan memberikan pengalaman yang lebih baik semasa melayari laman dengan alat mudah alih. Infrastruktur baharu penstriman secara langsung yang dipertingkatkan (enhanced live streaming) yang diperkenalkan semasa penganjuran acara antarabangsa telah membolehkan siaran langsung ditonton oleh peserta program melalui pelbagai platform.

Menyedari akan kepentingan kerjasama antara bank pusat dalam perkongsian pengetahuan yang meliputi pelbagai bidang perbankan pusat, Sasana Kijang Bank Negara Malaysia kini menjadi pusat tumpuan banyak aktiviti yang berkaitan. Acara penting yang dijalankan di Sasana Kijang pada tahun 2016 termasuklah pelancaran Hab Pengetahuan dan Penyelidikan Global Kumpulan Bank Dunia, Forum Global Wharton, Persidangan SEACEN bagi memperingati seorang mantan gabenor bank pusat yang telah memainkan peranan utama dalam mempertingkatkan kerjasama perbankan pusat serantau, Responsible Finance Summit, serta mesyuarat bersama-sama dengan Bank for International Settlements (BIS). Selain menjadi ibu pejabat tetap bagi Persekutuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) serta Hab Pengetahuan dan Penyelidikan Global Kumpulan Bank Dunia, Sasana Kijang juga berfungsi sebagai kampus sementara Asia School of Business (ASB).

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2016

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, seperti yang diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kekal kukuh pada tahun 2016. Aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM451.0 bilion, dengan keuntungan bersih sebanyak RM6.5 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Bank Negara Malaysia mengumumkan dividen sebanyak RM2.5 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2016.